



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
ISTANA KEHAKIMAN  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**SISTEM e-PESURUHJAYA SUMPAAH**  
**PEJABAT KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

Selari dengan perkembangan pendigitalan teknologi, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) memperkenalkan Sistem e-Pesuruhjaya Sumpah (Sistem e-PJS) iaitu sebuah platform dalam talian bagi urusan melibatkan Pesuruhjaya Sumpah seperti permohonan baharu, peperiksaan, pengemaskinian rekod, pelantikan dan lain-lain.

Sistem ini merupakan *one stop centre* bagi Pesuruhjaya Sumpah lantikan aktif dan calon-calon lantikan baru. Bagi Pesuruhjaya Sumpah lantikan aktif, sistem ini akan memudahkan seliaan pengemaskinian rekod perkhidmatan serta pengurusan permohonan pelbagai antaranya seperti permohonan pelantikan semula, permohonan menjalankan perkhidmatan di luar premis dan permohonan pertukaran alamat perkhidmatan. Semua pengurusan permohonan ini boleh dibuat secara dalam talian berbanding sebelum ini dibuat secara manual.

Sistem e-PJS ini juga menyediakan kemudahan untuk mengemukakan permohonan baharu dan menjalankan peperiksaan secara atas talian. Melalui sistem e-PJS ini, urusan peperiksaan Pesuruhjaya Sumpah dapat disediakan dengan sistematik dan menyeluruh bermula proses permohonan, peperiksaan dan keputusan yang mana semuanya dijalankan atas talian. Ini adalah selaras dengan usaha untuk mengekang penularan wabak COVID-19 iaitu dengan menjalankan peperiksaan secara atas talian berbanding sebelum ini calon-calon dikehendaki hadir secara fizikal ke satu tempat yang telah

ditetapkan. Sistem ini bukan sahaja mudah tetapi ia juga mempercepatkan dan menjimatkan proses pelantikan seseorang Pesuruhjaya Sumpah.

Bagi orang awam pula, sistem ini membolehkan mereka untuk mencari lokasi Pesuruhjaya Sumpah yang terdekat dan juga mengetahui semua maklumat berkaitan Pesuruhjaya Sumpah dari masa ke semasa.

Sistem e-PJS ini akan dilancarkan pada 25 Januari 2021. Sehubungan dengan itu, Pesuruhjaya Sumpah lantikan aktif dan orang awam boleh melayari portal sistem ini di <http://epjs.kehakiman.gov.my/> untuk maklumat lanjut.

PKPMP percaya inisiatif mewujudkan sistem ini adalah bagi mengadaptasi kebiasaan baharu (*new norm*) dengan memanfaatkan kemudahan teknologi dalam memudahkan pentadbiran Pesuruhjaya Sumpah oleh UPJS selaku Unit yang berperanan untuk menguruskan hal ehwal Pesuruhjaya Sumpah di seluruh Malaysia. Diharapkan inisiatif ini dapat meningkatkan lagi kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan dan memudahkan akses kepada keadilan kepada orang awam terutama bagi urusan melibatkan Pesuruhjaya Sumpah di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya.

**Tarikh: 22 Januari 2021**